

**PERUTUSAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE-47,**  
**30 OGOS 2004.**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

SAUDARA-SAUDARI RAKYAT MALAYSIA YANG SAYA KASIHI,

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA MEMANJATKAN RASA SYUKUR KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN NYA, KITA DAPAT SEKALI LAGI BERSAMA-SAMA MENYAMBUT ULANGTAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE-47 DALAM SUASANA AMAN, SEJAHTERA DAN MAKMUR. KITA JUGA BERSYUKUR KERANA NEGARA TELAH MENCATATKAN KADAR PERTUMBUHAN YANG MEMBERANGSANGKAN IAITU PADA KADAR 7.6 PERATUS KEPADA SUKU TAHUN PERTAMA DAN 8 PERATUS PADA SUKU TAHUN KEDUA.

2. IZINKAN SAYA UNTUK MEMBAWA SAUDARA-SAUDARI UNTUK BERFIKIR SEJENAK DALAM MENGIMBAS ERTI KEMERDEKAAN. MUNGKIN UNTUK KEBANYAKAN DARIPADA KITA, ADALAH SUKAR UNTUK MENGHAYATI ERTI SEBENAR KEMERDEKAAN MEMANDANGKAN LEBIH DARI 75 PERATUS DARIPADA RAKYAT MALAYSIA LAHIR SELEPAS 31 OGOS 1957. KERANA ITU, ADALAH HAMPIR MUSTAHIL UNTUK ANDA MEMBAYANGKAN PAHIT GETIRNYA HIDUP DIJAJAH DAN BAGAIMANA JERIH PAYAHNYA USAHA GENERASI TERDAHULU UNTUK MENDAPATKAN KEMERDEKAAN. JUSTERU, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENILAI ERTI KEMERDEKAAN DENGAN CARA YANG BERBEZA, SUPAYA KITA DAPAT MENGHAYATI NILAI KEBEBASAN YANG DIKECAPI.

3. SAUDARA-SAUDARI, SEPANJANG 47 TAHUN YANG LALU, KITA TELAH MENGECAPI NIKMAT PEMBANGUNAN DI DALAM PELBAGAI ASPEK. JIKA DIBANDINGKAN KETIKA NEGARA MULA-MULA MERDEKA DENGAN KEDUDUKAN KE HARI INI, TARAF HIDUP RAKYAT TELAH JAUH MENINGKAT. PERANGKAIAN PENDAPATAN ISI RUMAH SEMAKIN MEMBERANGSANGKAN DENGAN PENINGKATAN DARIPADA RM199 KEPADA RM3,011. KADAR KEMISKINAN TELAH MEROSOT DARIPADA 52.4 PERATUS PADA TAHUN 1970 KEPADA 5.1 PERATUS SEKARANG INI. DENGAN PELUANG PENDIDIKAN YANG BERTAMBAH BANYAK KADAR CELIK HURUF MENINGKAT DARIPADA 50.8 PERATUS KETIKA KITA BARU MERDEKA KEPADA 93.5 PERATUS HARI INI. PASTINYA, INI SEMUA MEMBERIKAN PELUANG UNTUK RAKYAT MALAYSIA MEMPEROLEHI KEHIDUPAN YANG LEBIH BERKUALITI YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MENINGKATKAN JANGKA HAYAT MEREKA.

4. DI SAMPING SEMUA PENINGKATAN INI, PEMBANGUNAN FIZIKAL NEGARA JUGA AMAT MEMBERANGSANGKAN. HARI INI, KITA MEMILIKI PELBAGAI PRASARANA MODEN BERTARAF DUNIA UNTUK DINIKMATI OLEH SEMUA RAKYAT. KITA JUGA MENJADI SALAH SEBUAH NEGARA PENGESPORT YANG TERBESAR, MENGEKSPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN KE SERATA PELUSUK DUNIA. DUNIA TURUT

MENGIKTIRAF PERANAN DAN KEPIMPINAN KITA DENGAN KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN UNTUK MENERAJUI PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) DAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC). INI SEMUA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA BUKTI BAHAWA MALAYSIA TELAH MELALUI PROSES KEMATANGAN DAN PENDEWASAAN YANG SANGAT MAPAN.

5. NAMUN, CUBA KITA RENUNGAN SEJENAK. ADAKAH KITA AKAN BERBANGGA DENGAN SEMUA PENCAPAIAN INI SEKIRANYA IA MERUPAKAN PERANCANGAN DAN HASIL USAHA PENJAJAH, HASIL USAHA ORANG LAIN? ADAKAH KITA AKAN MENIKMATI KEPUASAN DAN KEGEMBIRAAN YANG SAMA SEKIRANYA YANG BERKIBAR DI SETIAP TIANG BENDERA DI NEGARA INI IALAH BENDERA UNION JACK DAN BUKANNYA JALUR GEMILANG? SAYA YAKIN, PERASAANNYA AMAT BERBEZA. KITA BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN NEGARA SELAMA INI KERANA IA MERUPAKAN HASIL TITIK PELUH KITA, RAKYAT DAN KERAJAAN KITA. ITULAH NILAI KEMERDEKAAN YANG SEBENAR-BENARNYA.

6. SESUNGGUHNYA, KEMERDEKAAN INI AMAT BESAR NILAI DAN ERTINYA. KEMERDEKAAN ADALAH LAMBANG KEBEBASAN, KEDAULATAN, KEKUATAN DAN KEJAYAAN, BUKAN SAHAJA BAGI NEGARA YANG TERCINTA INI, TETAPI JUGA BAGI KEPADA SETIAP DARI KITA, WARGANEGARA YANG BERNAUNG DI BAWAHNYA. MUNGKIN ADAKALANYA KITA RASA TERKILAN ATAU KURANG GEMBIRA DENGAN SESETENGAH PERKARA YANG BERLAKU, NAMUN SAYA PERCAYA, RASA CINTA KITA KEPADA NEGARA INI TIDAK BERBELAH BAHAGI. SESUNGGUHNYA, KITA BANGGA MENJADI RAKYAT MALAYSIA.

7. SAUDARA-SAUDARI, MALAYSIA ADALAH NEGARA KITA, HAK KITA, LAMBANG MARUAH DAN KEDAULATAN KITA. TURUN NAIK, JATUH BANGUN, MAJU MUNDUR NEGARA INI, HANYA KITA YANG BERHAK MENENTUKANNYA. KITA HARUS BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA MASA DEPAN MALAYSIA AKAN HANYA DICORAK DAN DIWARNAKAN OLEH SETIAP WARGANYA DAN BUKAN ORANG LAIN.

8. SESUNGGUHNYA, SEGALA KEJAYAAN YANG DI CAPAI HARI INI DITUNJANGI OLEH USAHA DAN PENGORBANAN PEJUANG-PEJUANG KITA YANG TERDAHULU. TUNKU ABD RAHMAN TELAH BERJUANG BAGI MENCAPAI KEMERDEKAAN, TUN ABD RAZAK BERUSAHA GIGIH BAGI MEMBAWA PEMBANGUNAN, TUN HUSSEIN ONN MEMERAH KERINGAT BAGI MEMUPUK PERPADUAN RAKYAT DAN TUN DR MAHATHIR TELAH MENENTANG ARUS BAGI MENCIPTA PEMODENAN. MEREKA SEBAGAI PEMIMPIN KITA BERSAMA RAKYAT SEKALIAN TELAH MEMBAWA MALAYSIA KE TAHAP IA BERADA HARI INI.

9. KITA MEWARISI NEGARA INI DALAM KEADAAN SENTOSA DAN MAKMUR, HASIL TUMPAHAN DARAH DAN KERINGAT PEJUANG-PEJUANG KITA YANG TERDAHULU. MEREKA TELAH BERKORBAN JIWA RAGA DEMI MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA TANAH AIR TERCINTA. KITA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA ANGGOTA KESELAMATAN YANG TELAH BERJAYA MENJAGA NEGARA SUPAYA TERUS BERADA DALAM KEADAAN AMAN, SELAMAT DAN STABIL.

10. SAUDARA-SAUDARI, SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA, KITA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMELIHARA DAN MENERUSKAN KESINAMBUNGAN USAHA-USAHA YANG TELAH DIJAYAKAN OLEH GENERASI TERDAHULU. NEGARA KITA INI KECIL, BUKAN SAHAJA DARI SEGI SAIZ TETAPI JUGA DARI SEGI SUMBER YANG ADA TERMASUKLAH SUMBER MANUSIA. JUSTERU, UNTUK BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN, KITA PERLU MEMBANGUN DAN MEMANFAATKAN SUMBER MANUSIA YANG ADA DI NEGARA INI DENGAN SEBAIK MUNGKIN.

11. MUNGKIN ELOK JIKA KITA BERTANYA KEPADA DIRI KITA SENDIRI. SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA, ADAKAH KITA TELAH MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI SEORANG WARGANEGARA, UNTUK SETIDAK-TIDAKNYA MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG BENAR-BENAR BOLEH KITA BANGGAKAN? JIKA TIDAK, APA LAGI YANG KITA TUNGGU. JIKA YA, ADAKAH APA YANG TELAH KITA LAKUKAN MENCUKUPI?

12. NEGARA INI AMAT MEMERLUKAN SUMBANGAN DARI SETIAP WARGANYA. WARGANEGARA YANG SEJATI, YANG TEGUH CINTANYA KEPADA NEGARA ADALAH INDIVIDU YANG SEDAR DAN AKUR TERHADAP TANGGUNGJAWABNYA KEPADA NEGARA DAN BERUSAHA PULA SEDAYA UPAYANYA UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB TERSEBUT.

13. SETIAP DARI KITA, ADA PERANAN YANG PERLU DILAKSANAKAN BAGI MEMBANGUNKAN NEGARA INI. WALAU APAJUA BIDANG YANG KITA CEBURI, LAKSANAKANLAH TUGAS YANG DIGALAS DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB, JUJUR, CEKAP DAN BERINTEGRITI. KITA HARUS SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG TERTINGGI DAN MUNCUL SEBAGAI YANG TERBAIK AGAR DUNIA MENGHORMATI KITA.

14. MARILAH KITA, SEMUA RAKYAT MALAYSIA, TANPA PERLU RASA RENDAH DIRI, TANPA PERLU RASA TERPINGGIR, TANPA MENGIRA BANGSA DAN AGAMA, BANGUN MENJADI NEGARAWAN DI BUMI SENDIRI. KITA SEMUA ADALAH SAMA, KITA SEMUA RAKYAT MALAYSIA. TIDAK ADA INDIVIDU DI NEGARA INI YANG DIIKTIRAF 'LEBIH MALAYSIA' DARI INDIVIDU YANG LAIN.

15. 47 TAHUN YANG LALU, TIDAK RAMAI YANG MENYANGKA KITA DAPAT BERADA DITAHAP KEMAJUAN HARI INI. NAMUN, SAYA PERCAYA BAHAWA KITA MAMPU UNTUK PERGI LEBIH JAUH LAGI. KONGSIKANLAH IDEA DAN PANDANGAN, AGAR BERSAMA KITA AKAN MENCORAKKAN NEGARA INI MENJADI MALAYSIA YANG KITA INGINI. BAYANGKAN, APA YANG MAMPU DICAPAI OLEH NEGARA INI, SEKIRANYA SETIAP DARIPADA KITA MEMANFAATKAN SEGALA POTENSI YANG ADA DALAM DIRI KITA. KITA AMAT BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN SEBILANGAN RAKYAT MALAYSIA DALAM PELBAGAI BIDANG YANG MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA. KEPADA MEREKA KITA UCAPKAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH. KITA HARAP BILANGAN INI AKAN BERTAMBAH LAGI DI MASA HADAPAN. RAKYAT MALAYSIA MAMPU MENJADI YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN YANG TERBILANG. BERSATULAH, TANPA

MENGIRA BANGSA DAN AGAMA, MELALUI SEGALA ONAK DAN RANJAU DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA, DEMI KEPENTINGAN BERSAMA DAN DEMI MASA DEPAN NEGARA.

KERANAMU MALAYSIA

SELAMAT MENYAMBUT KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE-47.